


Mesin tak sehebat pengalaman

Noor Mohamad Shakil Hameed



ransformasi pendigitalan dilihat semakin menjadi satu keperluan yang mendesak merangkumi semua sektor perkhidmatan dan ekonomi di negara kita. Dalam hal ini, golongan pekerja mula bimbang dan berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam memastikan jaminan masa depan kerjaya masing-masing.

Bank Dunia, misalnya menjangkakan separuh daripada pekerjaan di Malaysia bakal digantikan dengan automasi dalam jangka panjang.

Ini kerana, perubahan dalam sektor pekerjaan ketika ini tidak dapat dielakkan kerana digital dan automasi akan menjadi elemen penting dalam pekerjaan.

Antara pekerjaan yang berisiko tinggi untuk beralih kepada automasi sepenuhnya adalah akauntan, operator mesin dan perkilangan, juruteknik kejuruteraan elektronik, juruteknik penerbangan dan juruteknik kejuruteraan elektrik.

Dalam pada itu, syarikat perunding terkemuka Eropah, Roland Berger dalam kajian terkininya bertajuk *Branching out - The Future of retail banking networks* menjangkakan hampir 600 cawangan perbankan runcit di Malaysia mungkin ditutup dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menurut kajian itu, pengecilan operasi perbankan itu selaras dengan ledakan teknologi kewangan (*fintech*) yang menyaksikan pelanggan beralih kepada perkhidmatan digital. Jika ini benar-bejian berlaku, ia dijangka akan memberi kesan kepada lebih 3,000 pekerja sektor perbankan dalam tempoh 10 akan datang.

Ironinya, ini baru dalam bidang perbankan, bayangkan bagaimana pula dengan nasib pekerja apabila hampir semua sektor mula memberi perhatian serius untuk beralih ke teknologi digital dalam tempoh masa terdekat.

Pastinya ini akan meningkatkan secara mendadak kadar pengangguran dalam kalangan pekerja sedia ada, sekali gus memberi impak besar kepada kelangsungan hidup rakyat secara keseluruhannya.

Hakikatnya, kita tidak boleh menafikan fakta betapa sudah terdapat teknologi yang membuktikan mampu menggantikan pekerjaan yang sebelum ini dilaksanakan oleh manusia. Akibatnya, kebanyakan majikan kini meningkatkan

keperluan untuk mendapatkan pekerja yang mempunyai kemahiran dalam digital dan teknologi terkini.

Dalam hal ini, kita tidak boleh menyalahkan pihak majikan kerana mereka sebaik mungkin akan berusaha untuk mengurangkan kos operasi serta meningkatkan keuntungan melalui pelbagai inisiatif untuk segera beralih kepada digital dan automasi.

Malah, ia juga selari dengan ekspektasi dan tuntutan pengguna masa kini yang dilihat lebih selesa untuk menggunakan perkhidmatan digital berbanding manual seperti sebelum ini.

Hal ini kerana pengguna dapat menikmati perkhidmatan dengan lebih cepat, efisien dan selamat di samping tiada masalah kerenah birokrasi.

Perkhidmatan awam juga tidak terkecuali apabila baru-baru ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman meminta penjawat awam juga segera mengadaptasi terhadap perubahan pendigitalan perkhidmatan awam supaya terus kekal relevan selaras dengan keperluan semasa.

Ini dilihat sangat penting kerana dapat mengurangkan masa berurusan dengan agensi awam secara fizikal.

Secara prinsipnya, terdapat keperluan segera untuk mengubah budaya kerja dalam perkhidmatan awam dengan penguasaan pemikiran yang mengutamakan digital.

Tatkala kadar pengangguran di negara kita terus membimbangkan berpunca dari krisis ekonomi yang dicituskan

3,000

Pekerja sektor perbankan dijangka terjejas

600

Cawangan perbankan runcit Malaysia mungkin ditutup

oleh pandemik Covid-19, senario 'pengangguran digital' yang bakal berlaku cukup mencemaskan anggota masyarakat.

Justeru, pekerja dan majikan perlu mengambil langkah yang proaktif supaya majikan tidak perlu membuang pekerja dan pekerja juga sentiasa bersedia memenuhi ekspektasi majikan serta pengguna.

Majikan, misalnya tidak boleh lepas tangan dengan mengabaikan kebajikan pekerja dan keluarga mereka untuk jangka panjang.

Hakikatnya kita percaya peningkatan perkhidmatan pendigitalan akan terus merencanakan keuntungan majikan, namun yang menjadi persoalan kritikal di sini ialah bagaimana dengan nasib pekerja yang tugasnya bakal diambil alih oleh mesin dan teknologi?

Dalam hal ini majikan mempunyai dua pilihan iaitu sama ada melatih pekerja untuk meningkatkan kemahiran yang diperlukan sesuai dengan perkhidmatan digital yang sedang

dan bakal ditawarkan atau memulakan proses penempatan semula pekerja kepada tugas dan peranan lain yang bersesuaian dengan kemahiran serta pengalaman yang mereka miliki.

Dalam konteks ini, memberhentikan pekerja tidak wajar menjadi pilihan majikan.

Jujurnya, ini masa terbaik untuk majikan menghargai sumbangan dan kesetiaan pekerja kepada mereka sekian lama dengan mengambil peluang ini untuk membantu mengembangkan potensi mereka supaya terus kekal relevan selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Pada masa sama, golongan pekerja juga perlu lebih terbuka menerima transformasi pendigitalan yang sedang melanda semua sektor pekerjaan.

Kita tidak boleh lari dari perubahan yang bakal berlaku, sebaliknya perlu menyiapkan diri dengan kelengkapan kemahiran yang diperlukan supaya dapat menjamin masa depan kerjaya yang lebih cemerlang.

Ringkasnya, pekerja perlu mengubah sikap, pemikiran dan cara kerja mengikut tuntutan perubahan semasa.

Tuntasnya, walaupun majikan begitu bersemangat untuk meneroka agenda pendigitalan, jangan sesekali mengabaikan kebajikan dan keselamatan para pekerja.

Kita tidak mahu pekerja menjadi mangsa korban teknologi digital.

Penulis pentadbir universiti dan penganalisis isu semasa

Majikan, misalnya tidak boleh lepas tangan dengan mengabaikan kebajikan pekerja dan keluarga mereka untuk jangka masa yang panjang

dialog kotaraya oleh juragan

